



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 JULAI 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 JULAI 2022 (JUMAAT)



ALEXANDER

KPDNHEP kaji nilai ambang keterhutangan syarikat RM50,000

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) akan mengkaji kesesuaian nilai ambang keterhutangan syarikat RM50,000 jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

Menterinya, Datuk Seri Alex-

ander Nanta Linggi berkata, kerementeriannya sensitif terhadap keadaan semasa memandangkan banyak syarikat sedang berdepan masalah ketika ini.

"KPDNHEP sentiasa sensitif akan keperluan. Jika ada keperluan ditingkatkan nilai ambang

kebankrapan ini mungkin kita buat kajian dulu.

"Cadangan ini saya anggap cadangan yang baik sebab banyak syarikat sedang menghadapi masalah. Kita akan teliti," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Hasanuddin Mohd. Yunus (PH-Hulu Langat) sama ada kerajaan akan meningkatkan nilai ambang keterhutangan syarikat bagi mengelakkan banyak syarikat kontraktor terpaksa gulung tikar.

SSM kaji maklumat pemunya benefisial elak aktiviti jenayah

KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sedang melakukan kajian mendalam mengenai kerangka laporan maklumat pemunya benefisial bagi memastikan entiti perniagaan di Malaysia tidak disalahgunakan untuk tujuan jenayah atau melindungi aktiviti itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, maklumat pemunya benefisial adalah kritikal untuk menangani jenayah seperti pengubahan wang haram, pembentukan keganasan, rasuah serta pengelakan cukai.

*Kerangka pelaporan ini selaras di peringkat antarabangsa dalam memerangi jenayah sama di seluruh dunia. Ini juga selaras dengan penambahan balikkan perundangan yang dibuat negara lain seperti Hong Kong dan Singapura.

“Sebagai contoh memperjelaskan definisi pemunya benefisial sedia ada dan memperkenalkan data tugas serta tanggungjawab penzahiran pemunya benefisial daripada ang-

gota-anggotanya melalui Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) 2022 yang sedang diperhalusi untuk dibentangkan kelak,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Robert Lawson Chuat (**GPS-Betong**) sama ada kerajaan akan mengambil pendekatan yang sama seperti negara luar memperkenalkan pelaporan pemunya benefisial.

Terdahulu, Alexander berkata, RUU Syarikat (Pindaan) 2022 mencerminkan komitmen SSM untuk terus menyokong inisiatif berterusan kerajaan dengan memperkasa kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Menurutnya, RUU itu membolehkan syarikat yang mengalami masalah kewangan terutama akibat kesan pandemik Covid-19, tetapi mempunyai kemampuan kewangan untuk terus berdaya saing memasuki rehabilitasi dengan pemutang melalui cadangan pindaan yang bersifat fasilitatif.



SSM sedang melaksanakan Pindaan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 antara lain bertujuan memperkenalkan Mekanisme Penyelamat Korporat.

KPDNHEP pantau habis-habisan

Kementerian itu pastikan bekalan ayam dan telur stabil

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID
KUALA LUMPUR

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan bekalan serta harga ayam dan telur kekal stabil.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, antara langkah yang diambil termasuk menjalankan pemantauan ke atas 20 syarikat pengeluar ayam pedaging utama yang merangkumi tiga syarikat integrator dan 17 syarikat non-integrator.

Jelasnya, pemantauan ter-

sebut dilakukan bagi mengesan lebih awal risiko-risiko gangguan bekalan ayam pedaging di peringkat pengeluaran supaya tindakan sejawarnya dapat diambil bagi memastikan bekalan ayam di pasaran sentiasa stabil.

"Membaat unjuran pengeluaran ayam dilakukan setiap bulan bagi membolehkan KPDNHEP merangka pelan tindakan sewajarnya sekiranya dijangkakan akan berlaku kekurangan bekalan ayam di pasaran.

"Selain itu, pemeriksaan harian turut dibuat bagi memantau kedudukan bekalan dan keberadaan ayam dan telur di setiap rantaian pengedaran iaitu di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Khamis.



ALEXANDER

DEWAN
RAKYAT

Beliau menjawab pertanyaan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang memintanya menyatakan langkah-langkah diambil untuk memastikan bekalan ayam dan telur ayam tidak terputus serta mampu dibeli oleh rakyat dengan harga yang berpatutan.

Ujar beliau, langkah lain yang turut diambil adalah dengan mengeluarkan arahan kepada peruncit untuk memperbaharui stok bekalan yang ada di premis masing-masing dan menghubungi pemborong serta pengeluar jika stok mereka jatuh ke tahap pesanan semula (*re-order limit*).

"Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan bekalan ayam dan telur kembali stabil, KPDNHEP akan terus mengadakan sesi silat urus bersama pemain in-

Memang ada kartel ayam - Alexander

KUALA LUMPUR - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengesahkan kewujudan 'kartel' yang bertindak mengawal harga dan pengeluaran bekalan ayam dalam negara seperti didekahkan sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, perincian lanjut mengenai hasil siasatan itu akan dimaklumkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

"Mungkin saya bukan orang yang boleh mendedahkan secara lanjut kerana (MyCC) adalah suruhanjaya tetapi diahramkan ada masalah (kartel) seperti yang dikatakan.

"Bagaimanapun untuk perincian lanjut, kita tunggu MyCC buat pengumuman," katanya di Dewan Rakyat di sini pada Khamis.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) yang bertanyakan laporan kewujudan kartel daripada 20 syarikat utama pengeluar ayam di negara ini.

Pada 28 Jun lalu, MyCC menerusi pasukan khasnya mendekah menilai laporan siasatan mengenai dakwaan kartel dalam industri ayam.

dustri dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi mengetahui punca dan mencari kaedah penyelesaian yang adil dan kondusif bagi memastikan isu kekurangan bekalan telur ayam ketika ini dapat diatasi segera," katanya.

Perlu permit khas beli petrol

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Syarikat berskala kecil, organisasi atau individu yang layak membeli petrol dan diesel daripada stesen minyak untuk kegunaan persendirian perlu memohon permit khas di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, permit itu bertujuan mengelak daripada petrol dan diesel diseleweng oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagaimanapun, keperluan permit khas ini adalah bagi pembelian melebihi 20 liter kecuali dalam kes-kes tertentu seperti kes kecemasan.

"Permit khas ini adalah percuma dan terbuka kepada semua pihak yang berkelayakan," katanya dalam kenyataaan semalam.

Jelas beliau, pihak yang diberi kebenaran untuk membeli minyak petrol dan diesel melalui permit khas boleh menggunakan tong dram, plastik atau bekas yang sesuai mengikut kuantiti harian yang diluluskan.



PERMIT khas diperlukan oleh sektor tertentu untuk membeli petrol atau diesel melebihi 20 liter di stesen-stesen minyak.

Tambah Alexander, antara pihak yang boleh memohon permit khas itu adalah pengguna forklift, sektor pertanian dan penternakan, pengusaha industri makanan, penduduk di kawasan pedalaman, pengguna pengangkutan air untuk enjin bot serta nelayan separuh masa (bukan pemegang kad e-nelayan).

"Permohonan boleh dibuat melalui sistem Mysubsidi Permit Khas secara dalam talian iaitu portal <http://permitkhas.kpdnhep.gov.my> atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang berhampiran," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, di bawah AKB 1961, setiap stesen minyak tidak dibenarkan menjual diesel dan semua gred petrol kecuali pada tangki asal kendaraan atau yang diluluskan oleh agensi berkaitan.

lesen di bawah akta terbabit bagi membolehkan stesen minyak berkenaan berurus niaga.

Antara syarat yang ditetapkan di bawah lesen terbabit ialah stesen minyak tidak dibenarkan menjual diesel dan semua gred petrol kecuali pada tangki asal kendaraan atau yang diluluskan oleh agensi berkaitan.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/07/2022
M/SURAT : 1



Perlu permit khas beli petrol, diesel lebih 20 liter



Langkah elak barang kawalan, bersubsidi diseleweng

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Syarikat berskala kecil, organisasi atau individu, perlu memohon permit khas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk melayakkan mereka membeli petrol dan diesel dari stesen minyak untuk kegunaan sendiri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata permit khas itu bagi pembelian dengan kuantiti melebihi 20 liter ke atas sahaja.

Langkah berkenaan, katanya,

bagi mengelakkan barang kawalan dan bersubsidi seperti petrol serta diesel diseleweng pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau menegaskan, tiada bayaran dikenakan bagi permohonan permit khas berkenaan dengan pihak yang diberi kebenaran, boleh menggunakan tong drum, plastik atau apa-apa bekas tanpa kebenaran.

"Mana-mana pihak yang membeli dengan kuantiti kurang 20 liter, termasuk kes-kes kecemasan adalah dibenarkan dan tidak memerlukan permit khas.

"Sehingga kini, antara pihak yang sudah mendapat permit khas daripada pihak kerajaan adalah pengguna 'forklift', sektor pertanian dan penternakan, pengusaha industri makanan serta penduduk di kawasan pedalaman.

"Selain itu, pengguna peng-

angkutan air untuk enjin bot serta nelayan separuh masa, iaitu bukan pemegang kad e-nelayan," katanya mengulas laporan media berhubung larangan pembelian bahan api petrol dan diesel menggunakan tong drum, plastik atau apa-apa bekas tanpa kebenaran.

Mesti ada lesen

Beliau berkata, mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961, setiap stesen minyak mesti mempunyai lesen bagi membolehkan ia berurus niaga petrol dan diesel.

"Antara syarat ditetapkan bawah lesen terbabit adalah mana-mana stesen minyak tidak dibenarkan menjual bahan api diesel dan semua gred petrol, kecuali menggunakan tangki asal kenderaan berkenaan atau yang diluluskan oleh agensi berkaitan dan dijual kepada mana-mana pihak yang mendapat kebenaran KPDNHEP bawah peruntukan

undang-undang AKB 1961," katanya.

Kelmarin, satu portal berita melaporkan notis awam dikeluarkan kementerian itu yang melarang orang ramai membeli bahan api berkenaan menggunakan tong drum, menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat terutama di Sabah dan Sarawak.

Laporan itu antara lain menyatakan orang-ramai tidak berpuas hati dengan keputusan KPDNHEP mereglasikan pembelian bahan api bersubsidi berkuat kuasa 17 Jun lalu kerana dikatakan tidak adil kepada nelayan dan pemotong rumput.

Alexander berkata, pihak yang mahu memohon permit khas boleh berbuat demikian melalui sistem MySubsidi Permit Khas secara dalam talian di portal <http://permitkhas.kpdnhep.gov.my> atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang berhampiran.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/07/2022
M/SURAT : 1



Permit khas beli petrol, diesel lebih 20 liter

Elak barang kawalan
dan bersubsidi
diseleweng oleh pihak
tidak bertanggungjawab

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN
MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan permit khas di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 diperlukan oleh syarikat atau individu yang layak untuk membeli petrol dan diesel bagi kegunaan sendiri.

Walau bagaimanapun, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, permit khas itu adalah bagi pembelian dengan kuantiti melebihi 20 liter ke atas sahaja.

"Mana-mana pihak yang membeli dengan kuantiti kurang daripada 20 liter termasuk kes-kes kecemasan adalah dibenarkan dan tidak memerlukan permit khas," katanya dalam kenyataan pada Khamis.



ALEXANDER

Menurutnya, keperluan permit khas adalah bagi mengelakkan barang kawalan dan bersubsidi seperti petrol serta diesel diseleweng oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Pihak yang ingin memohon permit khas boleh membuat permohonan melalui sistem Mysubsidi Permit Khas secara dalam talian <http://permitkhas.kpdnhep.gov.my> atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang berhampiran," katanya.

“

Mana-mana pihak yang membeli dengan kuantiti kurang daripada 20 liter termasuk kes-kes kecemasan adalah dibenarkan dan tidak memerlukan permit khas."

Beliau berkata, tiada bayaran dikenakan bagi permohonan permit khas tersebut dan ianya juga terbuka kepada semua yang layak.

"Pihak yang telah diberi kebenaran untuk membeli minyak petrol dan diesel melalui permit khas ini boleh menggunakan tong drum, plastik atau apa-apa bekas yang bersesuaian mengikut kuantiti harian yang telah diluluskan," katanya.

Alexander berkata, antara yang telah mendapat permit khas daripada pihak kementerian adalah pengguna forklift, sektor pertanian dan perternakan, pengusaha industri makanan, penduduk di kawasan pedalaman, pengguna pengangkutan air untuk enjin bot serta nelayan separuh masa.

HARI :	JUMAAT
TARIKH :	29/07/2022
M/SURAT :	5

Permit needed to buy petrol, diesel exceeding 20 litres

PUTRAJAYA: Small-scale companies and organisations as well as individuals wanting to buy petrol and diesel from petrol stations for personal use using drums or any containers in quantities exceeding 20 litres are required to apply for a special permit under the Control of Supplies Act 1961, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said in a statement yesterday purchases of petrol or diesel under 20 litres were allowed without a special permit.

Alexander added that the Act states that

petrol stations must have a licence to sell petrol and diesel, adding that the stations are not allowed to sell diesel and petrol of all grades except when it is filled into the original tank of the vehicle, or which has been approved by the relevant agency and parties authorised by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, among others.

Those authorised to buy petrol and diesel through the special permit can use drums or containers according to the daily quantity approved.

Among those granted the special permit are

forklift drivers, those involved in the agriculture and livestock sectors, food industry operators, rural residents, users of water transportation as well as part-time fishermen (not e-nelayan card holders).

Alexander said the application for the special permit can be made through the Mysubsidi Special Permit system at <http://permithias.kpdnhep.gov.my> or any Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry office, and approval will be granted in less than seven days, adding that the special permit is free. - Bernama

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/07/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam **RM8.90**
• Daging Lembu Tempatan **RM36**
• Daging Lembu Import **RM51.99**

• Telur Gred A **RM13.05**
• Ikan Kembung **RM17.90**
• Minyak Masak **RM6.70**

• Gula Pasir **RM2.85**
• Bawang Besar Holland **RM2.99**
• Bawang Putih **RM5**

• Cili Merah **RM10**
• Kubis Bulat Tempatan **RMS**
• Tepung Gandum **RM2.60**

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN/HEP